

## **Universiti Kebangsaan Di Dalam Perjuangan Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung: Tinjauan Dari Tahun 1946-1958.** Mohd Ali Kamarudin.

*Akademika 8*

### **ABSTRAK**

Idea tentang pembentukan sebuah universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar mulai timbul dalam tahun-tahun 1920an. Namun demikian, sebelum Perang Dunia Kedua, tiada sesuatu yang konkrit dicapai terutamanya kerana sikap tiada hirau pihak Inggeris.

Dalam tahun 1945, Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) telah ditubuhkan. Organisasi inilah yang menjadi penggerak utama dalam keinginan menubuhkan sebuah universiti yang berbahasa Melayu. Dalam tahun-tahun 1940an dan 50an, KPGMS bergiat menentang segala halangan terhadap usaha meninggikan taraf sekolah-sekolah Melayu sehingga mencapai taraf yang sama seperti sekolah Inggeris, dan menyediakan asas bagi pendidikan peringkat tertinggi dalam bahasa Melayu.

Bagi kali pertamanya, pada tahun 1958, pendidikan menengah telah diadakan di

sekolah-sekolah Melayu. Ini menandakan kejayaan KPGMS dalam mendorong kerajaan supaya meninggikan taraf pendidikan Melayu dan seterusnya merintis jalan ke arah terbentuknya universiti berbahasa pengantar Melayu.

### **ABSTRACT**

*The idea of setting up a university with Malay as the medium of instruction was first mooted in the 1920s. However, before the Second World War nothing concrete was achieved largely due to British attitude.*

*In 1945, the Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS), a Malay teachers' federation, was formed. It was this organization that became the main force behind the idea of setting up a Malay medium university. In the 1940s and 50s, KPGMS strove against all odds to raise the standard of Malay schools to that of their*

*English counterparts, and to prepare the ground for tertiary education in Malay.*

*For the first time, in 1958, secondary education was provided in Malay schools. This marked the success of KPGMS in persuading the Government to raise the standard of Malay education and in turn, paved the way for the opening of a Malay medium University.*